

'Dah lah tak puasa, berkhalwat pula'

Oleh Izz Laily Hussein - Mac 3, 2026 @ 12:33pm



Gambar hiasan

JOHOR BAHRU: Sudahlah tidak berpuasa di bulan Ramadan, ditangkap berkhalwat pula di sebuah bilik hotel.

Selain berkongsi makan mi segera dan minum air kotak, pasangan lelaki dan wanita bukan suami isteri itu turut berkongsi duit gaji untuk menyewa bilik hotel berkenaan.

Perbuatan itu terbongkar selepas penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) membuat pemeriksaan di sebuah hotel di sini, kira-kira jam 3 petang semalam.

Menurut JAINJ, ketika pemeriksaan, pintu bilik hotel itu dibuka oleh seorang lelaki yang berseluar panjang dengan t-shirt hanya selepas lima minit diketuk.

"Sebaik masuk ke bilik, anggota penguatkuasa terus membuat pemeriksaan di tandas yang pintunya tidak berkunci sebelum menemui seorang wanita di dalamnya yang memakai seluar panjang dan t-shirt lengan panjang.

"Hasil soal siasat pasangan ini bukan suami isteri. Kedua-dua mereka berusia 20-an, masih bujang dan bekerja di sini," katanya menerusi satu kenyataan, hari ini.

JAINJ berkata, pemeriksaan lanjut menemui mi segera yang sudah dimakan separuh dan air kotak besar yang tinggal sedikit di atas meja, sebelum kedua-duanya mengaku tidak berpuasa dan baru sahaja makan dan minum.

Katanya, apabila ditanya mengapa mereka menyewa bilik hotel berkenaan, mereka berkata, ada perkara yang hendak dibincangkan kerana mempunyai hasrat untuk bernikah.

"Pasangan ini menyewa bilik hotel secara berkongsi duit gaji masing-masing.

"Pasangan ini dinasihatkan supaya segera bernikah, namun ditahan khalwat mengikut Seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997 dan akan didakwa di Mahkamah Syariah," katanya.

Wanita buat 'live' sambil makan ketika Ramadan tampil mohon maaf

Oleh **Ahmad Hasbi** - Mac 4, 2026 @ 5:46pm



Video seorang wanita yang tular kerana membuat siaran langsung sambil makan di media pada siang hari di bulan Ramadan. - Foto ihsan pembaca

SEREMBAN: Wanita yang tular kerana membuat siaran langsung sambil makan di media pada siang hari di bulan Ramadan, Ahad minggu lalu tampil membuat permohonan maaf.

Menerusi satu video, wanita itu mengakui kesilapannya dan tidak berniat untuk mencemarkan Islam serta bulan Ramadan.

"Assalamualaikum dan selamat menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan al-Mubarak. Jadi tujuan Mummy buat video ini berkenaan dengan viral di beberapa media sosial iaitu mengenai tutur kata yang tidak menghormati bulan Ramadan dan menyinggung perasaan orang Islam," katanya.

Jelasnya, susulan video yang tular itu dia ditahan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan disoal siasat untuk tindakan lanjut.

"Jadi masa 'live' tu Mummy memang tiada niat nak mencaci, menghina, menganjing atau mempersendakan agama Islam.

"Tujuan mummy buat live tu santai-santai sahaja, tiada niat nak berkasar atau menyakiti hati netizen lain. Jadi disebabkan mummy tiada adab semasa live tu, mummy memang tidak sengaja," katanya.

Wanita itu dengan rendah diri memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia khusus warga Negeri Sembilan dan umat Islam serta berjanji tidak akan mengulangi perbuatan berkenaan.

"Ini jadi pengajaran buat mummy supaya lebih waspada di masa akan datang dan mummy akui, sedar kesilapan mummy.

"Jadi harap video ini, semua rakyat Malaysia, netizen, umat Islam memaafkan atas kelakuan saya yang tiada adab semasa live," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, JHEAINS menyiasat dakwaan seorang wanita dipercayai tidak menghormati bulan Ramadan menerusi siaran langsung di akaun TikTok miliknya.

Pengarah JHEAINS, Datuk Mohd Asri Abdullah dilaporkan berkata, wanita berusia 27 tahun itu ditahan di Kuala Pilah semalam dan kini disiasat di bawah Seksyen 50 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 atas kesalahan menghina atau mencela agama Islam.



Gambar hiasan.

NEGARA

Lelaki mengaku 'rasul' jumpa Nabi Adam dicekup

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED 22 Februari 2026, 4:19 pm

SHAH ALAM – Seorang lelaki warga emas yang disyaki mengaku sebagai Rasul termasuk boleh bertemu Nabi Adam secara nyata dicekup pihak berkuasa semalam.

Individu berusia 65 tahun itu ditahan bersama tiga individu lain termasuk seorang wanita di sebuah premis di Rawang.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, siasatan awal mendapati lelaki itu menyatakan kepada pengikutnya bahawa telah bertemu Nabi Adam secara nyata pada waktu siang.

Jelasnya, individu itu mendakwa turut bertemu dengan Nabi Muhammad SAW dalam bentuk cahaya pada waktu malam selain para Rasul antara dua hingga tiga kali seminggu.

“Kejadian itu dipercayai berlaku di sebuah taman negara antara dua hingga tiga tahun lalu. Pengikutnya pula menyatakan individu itu utusan Allah dan segala perlakuannya dianggap sebagai suruhan Allah seperti tidak perlu solat atau berpuasa jika berasa letih atau uzur,” katanya hari ini.

Menurut Mohd. Shahzihan, siasatan dan penahanan itu dilakukan mengikut Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 kerana disyaki berlaku upacara atau perbuatan berhubung agama Islam yang bertentangan hukum syarak.

“Ini turut meliputi Seksyen 8 enakmen sama kerana disyaki mengisytiharkan diri sebagai Rasul dan mendakwa mengetahui perkara di luar pemahaman dan pengetahuan manusia.

“Menerusi tangkapan ini, JAIS dijangka menyelesaikan satu aduan mendakwa ada seorang individu mengaku dirinya sebagai Rasul dan mempengaruhi keluarganya yang tular pada 9 Februari lalu,” ujarnya.-KOSMO! ONLINE.



Muhammad Syarafi (berdiri, dua dari kanan) memberi penerangan kepada OYDS (duduk, kanan) semasa hadir untuk prosiding pengurusan kes di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, Tunjong dekat Kota Bharu hari ini.

NEGARA

Peniaga dicekup berpakaian, berlagak seperti wanita di TikTok

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA 23 Februari 2026, 1:04 pm



KOTA BHARU – Tindakan seorang peniaga makanan yang memuat naik video dengan memakai [pakaian](#) dan berlagak seperti wanita di TikTok membawa padah apabila lelaki itu dicekup Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jaheaik) baru-baru ini. [Pakaian](#)

Orang yang disyaki (OYDS) berusia 25 tahun dan berasal dari Kelantan itu ditahan selepas tampil memberi keterangan kepada pihak Jaheaik pada 25 November 2025.

Peguam syarie yang mewakili OYDS, Muhammad Syarafi Mohd. Salleh berkata, anak guamnya sebelum ini ditahan mengikut Seksyen 19, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Negeri Kelantan 2019 atas kesalahan berkelakuan dan berlagak seperti wanita.

Menurutnya, OYDS sudah membayar bon jaminan sebanyak RM3,000 yang dikeluarkan oleh pegawai penguat kuasa Jaheaik pada Januari lalu sementara menunggu tarikh pertuduhan.

“Anak guam saya sepatutnya didakwa di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan kerana tempoh matang bon jaminan itu berakhir hari ini. Disebabkan ada beberapa isu teknikal yang melibatkan kertas siasatan, pendakwaan kes itu tidak dapat dijalankan.

“Justeru kita akan memohon lanjutan tempoh bon jaminan tersebut. Jika tiada sebarang permohonan lanjutan dibuat atau dikekalkan jumlah yang sudah dibayar oleh OYDS, pihak penguat kuasa Jaheaik boleh mengeluarkan satu bon jaminan baharu dengan nilai yang lebih tinggi sehingga RM5,000 atau lebih RM10,000.

“Bon jaminan tersebut merupakan satu jaminan untuk memastikan kehadiran OYDS ke mahkamah. Jika tiada sebarang pendakwaan selepas tarikh yang ditetapkan selepas ini, kita akan kemukakan representasi kepada pihak pendakwaan atau penguat kuasa Jaheaik untuk menggugurkan kes tersebut,” katanya ketika ditemui pemberita selepas prosiding pengurusan kes di Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, Tunjong di sini hari ini.

Muhammad Syarafi memberitahu, beliau bersama rakan peguam, Mohd. Faqqhurudin Mohd. Nasir bagaimanapun tidak boleh mendedahkan lebih lanjut kes tersebut kerana belum menerima kertas pertuduhan dan fakta kes yang dihadapi anak guamnya daripada pihak pendakwaan.

Menurutnya, pihak peguam bela tidak mahu sebarang kenyataan yang dikeluarkan kepada pihak media bercanggah dengan kertas pertuduhan yang akan dibacakan di mahkamah kelak.

“Apa yang saya boleh jelaskan adalah OYDS sebelum ini ditahan oleh penguat kuasa Jaheaik selepas menerima satu aduan daripada orang awam mengenai tindakannya yang berpakaian dan berlagak seperti seorang wanita menerusi satu video di TikTok.

“Aduan tersebut menyebabkan OYDS dipanggil sebelum ditahan penguat kuasa Jaheaik. Kandungan video yang dimuat naik oleh anak guam tidak dapat dipastikan, namun berdasarkan maklumat yang diterima menyatakan bahawa OYDS memakai pakaian dan berlagak seperti wanita,” ujarnya.

Muhammad Syarafi berkata, tarikh bagi pertuduhan terhadap anak guamnya akan dimaklumkan kelak. – KOSMO! ONLINE